

# Sabah utamakan pembangunan lestari

UB 9.11.2017 AB

KOTA KINABALU: Sabah antara negeri berada di barisan hadapan yang mempraktikkan pembangunan lestari di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan berkata, pencapaian berkenaan adalah hasil kepimpinan yang diterajui oleh Ketua Menteri Tan Sri Musa Haji Aman.

Beliau berkata, usaha pembangunan mampan yang dijalankan di Sabah seiring dengan fokus transformasi sosial tahun ini.

Menurutnya, cetusan idea untuk memahami bentuk-



**PESERTA dan tetamu jemputan turut bergambar bersama Abdul Rahman (depan, empat kiri) pada majlis itu.**

*(Gambar kiri)* **ABDUL RAHMAN (kiri) memalu gong sebagai simbolik perasmian Persidangan Antarabangsa Transformasi Sosial, Komuniti dan Pembangunan Mampan 2017.**

bentuk transformasi dengan lebih baik amat diperlukan untuk kesejahteraan dan manfaat rakyat.

Abdul Rahman berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Transformasi Sosial, Komuniti dan

Pembangunan Mampan 2017 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini pada Rabu.

“Persidangan ini dapat menjadi ruang kepada pertukaran idea dalam kalangan pembuat dasar mahupun golongan ilmuwan

berhubung transformasi sosial, masyarakat dan pembangunan mampan bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di rantau Asia Tenggara.

“Saya yakin dengan kehadiran para penceramah dan pembentang kertas kerja dari Filipina, Indonesia dan Malaysia, kita akan dapat memahami dengan lebih baik mengenai perbezaan dan persamaan antara Malaysia dan negara Asia Tenggara lain,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, selain UMS, persidangan berkenaan turut mendapat kerjasama dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) Terengganu dan Imus Institute of Science and Technology Filipina.

Pihaknya berharap para peserta persidangan dapat menjadikan ruang berkenaan sebagai platform untuk membincangkan langkah untuk mencapai SDG.

Beliau diwakili oleh Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) UMS Prof Dr Ismail Ibrahim. - **oleh SITI AISYAH NARUDIN**

